

## KEMPEN PB AKAUN SEMASA MATA WANG ASING

### TERMA DAN SYARAT

“Kempen PB Akaun Semasa Mata Wang Asing” (“Kempen”) ini ditawarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini: -

#### 1. Tempoh Kempen

1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2022** hingga **31 Disember 2022**, termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh lain yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).

#### 2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan bukan individu yang baharu dan sedia ada iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan (“Peserta yang Layak”).

2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) Pelanggan individu;
- b) Pelanggan bukan individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
- c) Bukan individu yang akaunnya yang dipegang dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

#### 3. Mekanisme Kempen

3.1 Akaun Semasa Mata Wang Asing (FCY CA) yang layak merujuk akaun semasa mata wang asing dalam mana-mana Mata Wang yang Layak.

3.2 Mata Wang yang Layak merujuk mana-mana mata wang yang berikut:-

- a) Dolar AS (USD)
- b) Pound Sterling (GBP)
- c) Dolar Australia (AUD)
- d) Euro (EUR)
- e) Dolar New Zealand (NZD)
- f) Renminbi Cina (CNY)
- g) Dolar Singapura (SGD)

- h) Yen Jepun (JPY)
- i) Dolar Hong Kong (HKD)
- j) Franc Swiss (CHF)
- k) Baht Thailand (THB)
- l) Dolar Kanada (CAD)

3.3 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang membuka FCY CA yang layak berhak untuk menikmati yang berikut bagi FCY CA yang layak itu: -

- a) deposit permulaan yang rendah, iaitu USD500 atau yang setaraf dengannya. Jika FCY CA yang layak bukan dalam USD, amaun deposit permulaan yang setara dengan USD500 akan ditentukan berdasarkan kadar pertukaran PBB yang semasa; dan
- b) diskaun sebanyak 50% atas caj kabel untuk semua urus niaga kiriman wang keluar melalui pindahan bertelegraf asing luar (FTT) untuk tujuan perdagangan sahaja dan perlu dilakukan di cawangan PBB, butirannya adalah seperti yang berikut:-

<b>Jenis Mata Wang</b>	<b>Caj Kabel Sekarang</b>	<b>Diskaun Sebanyak 50% atas Caj Kabel</b>
SGD	RM15	RM7.50
Semua mata wang yang lain	RM30	RM15

3.4 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang mengekalkan FCY CA yang layak berhak untuk menikmati yang berikut bagi FCY CA yang layak itu:-

- a) kadar pertukaran asing keutamaan mata wang bagi FCY CA yang layak itu tertakluk pada amaun urus niaga minimum sebanyak RM50,000 atau yang setara dengannya; dan
- b) tiada caj perkhidmatan untuk semua urus niaga kiriman wang masuk kepada FCY CA yang layak itu.

3.5 FCY CA dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

#### **4. Terma dan Syarat Am**

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini serta terma dan syarat yang mengawal FCY CA (termasuk apa-apa pindahan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal FCY CA yang layak itu, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan /atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak berkaitan langsung daripada Kempen ini, kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan yang ditawarkan oleh Kempen ini dan/atau diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklan termasuk tetapi tidak terhad dengan apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.

4.8 PBB berhak untuk:

- a) membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia, dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*

Ruang Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*